

**UCAPAN YM DATO PENGARAH URUSAN AMBD**

**SEMASA**

**MAJLIS PEMBUKAAN RASMI**

**MUKTAMAR KEWANGAN ISLAM BRUNEI DARUSSALAM 2013**

**“MENANGANI CABARAN KEWANGAN ISLAM SEMASA”**

**ISNIN, 17 JUN 2013**

**THE EMPIRE HOTEL AND COUNTRY CLUB, BRUNEI DARUSSALAM**

---

Assalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillah Hir Rahman Nir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil  
Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee  
Ajma'een, Waba'du.

Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet

Yang Berhormat / Yang Di Muliakan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat

Ahli-ahli Lembaga Pengarah AMBD

Jemputan-jemputan Khas

Panelis-Panelis

Serta Para Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian

1. Alhamdulillah, dengan limpah kurnia dan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, kita dapat sama-sama menghadiri Muktamar Kewangan Islam Brunei Darussalam 2013 yang julung-julung kalinya diadakan.
2. Tujuan muktamar ini diadakan, adalah sebagai salah satu landasan bagi perkongsian pengalaman dan pengetahuan, serta percambahan fikiran, berhubung dengan isu-isu syariah dan fiqh al-muamalat yang terkini dalam kewangan Islam. Ke arah itu, pihak penganjur telah menjemput panelis-panelis yang terdiri daripada pakar-pakar di dalam bidang kewangan Islam, yang tidak asing lagi dari dalam dan luar negara.
3. Adalah dihasratkan, hasil daripada perbincangan itu nanti, akan dapat menyumbang dan dijadikan panduan ke arah usaha untuk memperkembangkan lagi kewangan Islam khususnya di negara ini, dan juga pasaran global amnya.
4. Prinsip kewangan Islam telah lama wujud sejak Al-Quran diturunkan. Walaubagaimanapun, dari perspektif pasaran kewangan global, prinsip kewangan Islam telah diketengahkan pada sekitar tahun sembilan-

belas tujuh puluhan melalui dasar-dasar perbankan Islam, yang berasaskan kepada larangan terhadap amalan riba, gharar, masyir serta amalan perniagaan yang dilarang oleh hukum Syarak.

5. Apa yang dapat kita saksikan pada hari ini ialah, perkembangan dan penerimaan terhadap kewangan Islam yang semakin meluas bukan sahaja di pasaran kewangan negara-negara Islam bahkan sudah menembusi pasaran global. Berdasarkan kepada salah satu kajian terkini, jumlah aset perbankan Islam global, yang merangkumi sebahagian besar daripada jumlah keseluruhan aset kewangan Islam, adalah dijangka meningkat kepada USD1.8 trilion) pada tahun ini. Ini adalah merupakan peningkatan yang signifikan jika dibandingkan dengan aset kewangan Islam yang berjumlah cuma USD 150 bilion pada pertengahan tahun 90-an.
6. Tidak dapat dinafikan, salah satu kesan daripada impak krisis kewangan dan ekonomi global yang telah dilalui sebelum ini, ialah terjejasnya keyakinan awam terhadap keutuhan dan kekukuhan sistem kewangan konvensional. Para pelabur kini telah mula menerokai

alternatif-alternatif lain, sebagai salah satu strategi kepelbagaian serta dalam usaha mereka untuk mengurus risiko dengan lebih baik. Perhatian telah mula diberikan kepada ciri-ciri dan aspek-aspek kewangan Islam yang telah menunjukkan kedaya tahanan, dalam menghadapi pergolakan serta cabaran-cabaran terhadap sistem kewangan di banyak negara. Dalam hubungan ini di antara isu utama yang perlu diambil perhatian adalah, bagaimana kewangan Islam dapat dikembang majukan, diterima di pasaran global, serta dapat memenuhi permintaan-permintaan, di semua peringkat dan dipelbagai sektor ekonomi.

7. Autoriti Monetari Brunei Darussalam sebagai agensi yang mengawal selia institusi-institusi kewangan di negara ini, juga berperanan untuk memastikan suasana perniagaan yang kondusif bagi pertumbuhan dan perkembangan kewangan Islam. Sehubungan dengan ini, usaha-usaha telah dan akan senantiasa dilaksanakan, bagi memperkukuhkan lagi infrastruktur kewangan termasuk rangka perundangan, peningkatan kapasiti dan kepakaran, dan kerjasama diperingkat antarabangsa. .

8. Tema bagi muktamar tahun ini yang bertajuk “Menangani Cabaran Kewangan Islam Semasa” adalah khusus dipilih, sesuai dengan keadaan perkembangan pesat kewangan Islam pada masa kini. Keadaan ini memerlukan peningkatan usaha-usaha kreatif, dan inovatif untuk mewujudkan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan, yang berunsurkan shariah bagi memenuhi permintaan pasaran.
  
9. Insya Allah, melalui Muktamar ini, kita akan mendengarkan dengan lebih mendalam lagi daripada pakar-pakar yang dijemput mengenai isu-isu berkenaan. Adalah diharapkan daripada sesi perbincangan secara terbuka ini, kita akan sama-sama mendapat manfaat dan panduan dari pelbagai perspektif dalam usahasama kita, untuk menangani cabaran-cabaran yang dihadapi dalam mengembangkan industri dan pasaran kewangan Islam.

Para hadirin sekalian,

10. Bagi mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada *Centre for Islamic Banking, Finance and Management*

(CIBFM), Centre for Research and Training (CERT), dan Jawatankuasa Penganjur atas usaha gigih dan dedikasi di dalam mengendalikan muktamar ini. Saya juga merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan program dan agensi-agensi yang berkenaan di atas kerjasama dan sokongan yang diberikan.

11. Seterusnya, terima kasih yang setinggi-tingginya kepada panelis-panelis yang telah meluangkan masa, dalam kesibukan mereka untuk bersama kita bagi mengongsikan pengetahuan dan buah fikiran bagi tujuan kemajuan ummah.

Wabillahittaufiq Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh